

# 'Umno tidak kalis ancaman'

## Timbalan Presiden gesa ahli terus amal perjuangan bela nasib rakyat

Oleh Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengingatkan ahli Umno walaupun parti itu sudah berusia 60 tahun, ia tidak kebal daripada keadaan yang boleh melemah dan menghancurkan kekuatannya.

Merujuk kepada 'Teori Pendulum' yang meramalkan pasang surut kedudukan sesuatu parti politik, Timbalan Perdana Menteri berkata, ahli Umno perlu sentiasa berpegang teguh kepada prinsip perjuangan asal parti membela rakyat.

"Kita jangan lupa bahawa dalam politik tiada kekebalan dan ini termasuk Umno itu sendiri.

"Jika kita susun strategi secara tepat dan rakyat melihat kita sebagai pembela mereka, insya-Allah selama itu kita akan disanjung tinggi dan disokong," katanya berucap merasmikan secara serentak mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kepong dan ketiga-tiga sayapnya di The Ritz-Carlton di sini, semalam.

Hadir sama ialah Ketua Umno Ba-

*"Saya ingin ajak ahli Umno melihat dari mana kita datang, di mana kita berada sekarang dan ke mana kita akan pergi"*

Najib Razak

Timbalan Perdana Menteri

hagian Kepong, Senator Datuk Rizuan Abd Hamid dan Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Najib berkata, mengikut teori itu sesuatu parti akan melalui zaman gerhana iaitu mulai lemah dan kehilangan arah apabila mencecah usia kira-kira 50 tahun, jauh berbeza dengan matlamat dan semangat perjuangan yang berkobar-kobar ketika penubuhannya.

Katanya, akan sampai peringkat di mana ahli dan pemimpin akan meletakkan kepentingan parti di sisi. Sebaliknya mengutamakan kepentingan peribadi.

"Alhamdulillah, Umno sudah membuktikan dalam tempoh itu dan dalam menghadapi pasang surut, kita masih kekal sebagai parti gagah perkasa yang memegang tampuk pemerintahan," katanya.

Najib mengingatkan ahli Umno membuat perhitungan politik yang betid, terutama berpegang teguh kepada prinsip kesetiaan kepada pemimpin dan parti.

Katanya, mereka juga perlu berpegang kepada semangat setia kawan dan meramaikankawan daripada musuh dan tidak mengamalkan falsafah Machiavelli yang menghalalkan apa saja cara bagi mencapai matlamat.

"Sejak memasuki politik pada 1976 sehingga dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden, saya setia kepada Presiden dan parti. Saya tidak pernah pegang konsep Machiavelli," katanya.